

**SOALAN-SOALAN LISAN  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI ISNIN, 25 NOVEMBER 2019**

**YB TUAN MD. YSAHRUDDIN BIN KUSNI (BUKIT NANING)**

**SOALAN 14 (A147)**

Bagi menggalakkan usahawan dalam projek industri kecil, apakah halangan dan kekangan dalam usaha bagi memastikan outcome kepada pencapaian itu mencapai paras seperti pensijilan MeSTI.

**JAWAPAN YB TUAN HAJI SHEIKH 'UMAR BAGHARIB BIN ALI**

Merujuk kepada Buku Pelan Tindakan PKS Negeri Johor 2015 hingga 2020 terdapat 5 masalah utama yang dihadapi oleh usahawan terutamanya PKS.

- Akses pembiayaan meliputi masalah modal dan sumber peruntukan yang terhad.
- Akses kemahiran dengan penggunaan latihan sediaada yang rendah dikalangan usahawan/majikan.
- Akses Prasarana merangkumi sistem pelepasan dan fasiliti yang rendah dan tidak kerap.
- Akses pemasaran kerana usahawan kurang informasi bagi ruang-ruang pasaran serta mempunyai kuasa rundingan yang rendah selain daripada tumpuan terhad terhadap pemasaran.
- Akses ICT, Teknologi dan Pensijilan. Terdapat pelbagai jenis pensijilan yang PKS perlu patuh mengikut bidang kluster perniagaan.

Rata-rata usahawan kurang pendedahan terhadap sistem pensijilan di Malaysia. **Sijil Makanan Selamat Tanggungjawab Industri atau lebih dikenali dengan nama MeSTI merupakan sijil paling asas yang perlu dimohon oleh kluster pemprosesan makanan.** Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah memperkenalkan suatu skim yang mudah untuk diperolehi dan memenuhi keperluan minima yang diperuntukkan di dalam PKKM 2009.

Skim Pensijilan MeSTI adalah satu skim yang dijenamakan semula bagi menggantikan Skim Keselamatan Makanan 1 Malaysia (SK1M). Usahawan perlu menghantar 11 dokumen sokongan sebelum premis di audit. Kebanyakan usahawan tidak cukup syarat dalam penyediaan 11 dokumen tersebut. Pelbagai program telah dilaksanakan di peringkat KKM termasuk program kesedaran MESTI seperti kursus dan pelbagai lagi.

Pensijilan MeSTI ini merupakan suatu Program Jaminan Keselamatan Makanan yang dibangunkan untuk membantu pihak industri makanan terutamanya industri kecil dalam memenuhi keperluan minima yang telah diperuntukkan di bawah Akta Makanan 1983. Pensijilan ini bukan sahaja diberikan secara percuma malah turut boleh mendapat khidmat bimbingan dari pegawai-pegawai pembimbing dalam mengetahui keperluan yang diperlukan.

**SOALAN-SOALAN LISAN  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI ISNIN, 25 NOVEMBER 2019**

Berdasarkan senario yang kerap dihadapi oleh usahawan industri kecil dan sederhana dalam mencapai paras yang diperlukan adalah seperti permasalahan berikut:-

- Jenis premis bukan dikhususkan untuk pembuatan makanan
- Terdapat operasi pembuatan makanan dibuat di dalam rumah sahaja. Sepatutnya premis makanan bagi menjalankan operasi pembuatan makanan perlulah berasingan dari rumah.
- Keadaan infrastruktur premis makanan tidak mencapai keperluan minima yang ditetapkan - (Contoh; premis yang tidak tertutup dengan sempurna, tiada ruang persalinan, tiada sinki mencuci tangan, atau tiada pemisahan antara ruang yang jelas bagi aktiviti pemprosesan makanan yang dijalankan).
- Tenaga kerja tidak mencukupi.
- Tenaga kerja sedia ada tidak mahir dari segi kawalan keselamatan makanan dan juga dalam menguruskan dokumentasi.
- Kekangan kewangan dalam mematuhi keperluan yang ditetapkan dan juga kos penyelenggaraan membaikpulih.

Sikap usahawan itu sendiri yang tidak serius untuk mendapatkan pensijilan MeSTI.

Premis-premis pengilangan makanan yang tidak memenuhi keperluan di bawah Akta Makanan 1983 termasuklah mereka yang tiada mempunyai Program Jaminan Keselamatan Makanan boleh dikenakan tindakan penguatkuasaan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia. Jika sabit kesalahan mereka boleh didenda tidak melebihi RM 10,000 atau penjara tidak melebihi 2 tahun. Justeru itu, Jabatan Kesihatan Negeri Johor mencadangkan agar usahawan makanan yang dibimbing oleh mana-mana agensi kerajaan di negeri ini disasarkan mendapatkan pensijilan MeSTI.

Untuk maklumat sidang dewan, bagi perancangan tahun hadapan, Kerajaan Kerajaan Negeri Johor menerusi Perbadanan Usahawan Johor Sdn Bhd ( PUJB ) telah merancang program berkenaan Taklimat Asas berkenaan Pensijilan MESTI / GMP (Good Manufacturing Practice) / BESS (Bersih, Selamat dan Sihat). Program ini akan memberi tumpuan kepada asas berkenaan panduan dan kaedah memperolehi pensijilsn Mesti / GMP / BESS menerusi 4 zon dan akan melibatkan 10 daerah. Dan tentunya, program dan kursus ini akan melibatkan sekali jabatan-jabatan dan agensi-agensi yang berkaitan.

**SOALAN-SOALAN LISAN  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI ISNIN, 25 NOVEMBER 2019**

**YB TUAN TAN HONG PIN (SKUDAI)**  
**SOALAN 15 (A50)**

Apakah status terkini pelaksanaan caj pencemaran atau bayaran ke atas penggunaan beg plastik pakai-buang (single-use plastic beg)?

**JAWAPAN YB TUAN TAN CHEN CHOON**

Majlis Rendah Karbon Negeri Johor kini sedang melengkapkan kertas kerja pelaksanaan caj pencemaran bagi penggunaan beg plastik sekali guna (*single-use plastic bag*) setelah perbincangan secara berkala diadakan bersama pemegang taruh (*stakeholder*) berkaitan.

Malah, hasil lawatan penanda aras ke Pejabat Setiausaha Kerajaan Pulau Pinang yang dijadualkan pada 5 Disember nanti juga akan dirangkumkan sekali di dalam kertas kerja tersebut sebelum diangkat di dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) untuk pertimbangan dan kelulusan.

**SOALAN-SOALAN LISAN  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI ISNIN, 25 NOVEMBER 2019**

**YB TUAN TEE BOON TSONG (SENAI)  
SOALAN 16 (A27)**

Banyak perumahan baharu di Kulai menyebabkan tekanan air perlu ditingkatkan. Sehubungan dengan itu, tekanan air menyebabkan paip lama mengalami kebocoran. Penduduk setempat seringkali mengalami gangguan bekalan air. Adakah terdapat perancangan untuk menggantikan kepada paip yang baharu dan bila akan dilaksanakan?

**JAWAPAN YB TUAN JIMMY PUAH WEE TSE**

Kebocoran paip yang dikatakan kerap berlaku di beberapa kawasan di Kulai dikenali pasti di kebanyakan tempat berpunca daripada keadaan paip-paip yang sudah agak lama dan uzur. Untuk itu, beberapa program penggantian paip telah dicadangkan dan diluluskan bagi menggantikan paip-paip lama yang telah mengalami kebocoran disebabkan oleh tekanan air atau beban yang dikenakan ke atas paip tersebut. Program penggantian paip bagi tahun 2014 bagi daerah Kulai telah siap sepenuhnya dan melibatkan penukaran paip lama 100mm jenis Asbestos Cement (AC) kepada 150mm jenis uPVC yang melibatkan lokasi Kg. Pertanian dan Kelapa Sawit. Manakala program penggantian paip bagi tahun 2015 pula masih dalam pelaksanaan yang melibatkan penukaran paip berukuran 100mm jenis AC kepada 150mm MuPVC. Ia turut melibatkan empat kawasan iaitu Taman Aman, Kulai B, Air Bemban dan Kulai-Ayer Hitam.

Program penggantian paip bagi tahun 2016 juga masih dalam pelaksanaan turut melibatkan penukaran paip lama di kawasan Jalan Jati Bandar Putra dan di Jalan Tan Yoke Fong. Bagi program penggantian paip tahun 2017 pula akan dilaksanakan dalam masa yang terdekat setelah mendapat kelulusan izin lalu daripada pihak berkuasa tempatan. Begitu juga program penggantian paip untuk tahun 2018 sehingga 2022 yang melibatkan penukaran paip baru HDPE akan dilaksanakan sebaik mendapat kelulusan.

**SOALAN-SOALAN LISAN  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI ISNIN, 25 NOVEMBER 2019**

**YB TUAN RAVEN KUMAR A/L KRISHNASAMY (TENGGAROH)**

**SOALAN 17 (A105)**

Belanjawan 2020, Kerajaan Persekutuan telah memperuntukkan RM85 juta untuk melancarkan aliran trafik kenderaan khususnya yang melalui Kompleks Kastam, Imigresen dan Kuarantin (CIQ). Apakah perincian inisiatif yang akan memakan sejumlah RM85 juta?

**JAWAPAN YB TUAN HAJI MOHD SOLIHAN BIN BADRI**

**JAWAPAN BPENJ**

Bagi melancarkan aliran trafik kenderaan khususnya yang melalui Kompleks Kastam, Imigresen dan Kuarantin (CIQ), Kerajaan Persekutuan telah memperuntukkan sebanyak RM85 juta bagi tujuan tersebut. Terdapat 5 inisiatif yang dirancang oleh pihak Kementerian bersama kerajaan negeri iaitu:

- a) Inisiatif pertama, menambah baik Bangunan Sultan Iskandar (BSI) dan Kompleks Sultan Abu Bakar (KSAB), pembesaran Kompleks Kenderaan Berat (KKB) Import dan Eksport di KSAB, memindahkan operasi kenderaan berat di BSI ke KSAB sepenuhnya, Laluan kenderaan berat dan KKAB di BSI diubahsuai kepada laluan motosikal dan kereta termasuk bagi membina laluan pejalan kaki berbumbung. Terdapat 2 tindakan yang perlu diambil bagi memastikan perkara tersebut berjalan iaitu bagi tindakan jangka pendek adalah menyelaras pelaksanaan kerja-kerja penambahbaikan BSI dan KSAB dan bagi tindakan jangka sederhana adalah bagi menyemak dan mengkaji cadangan-cadangan pembinaan laluan pejalan kaki berbumbung di sepanjang Tambak Johor dan mengkaji pilihan-pilihan dan potensi bagi membuat pembesaran bangunan dan infrastruktur di BSI dan KSAB.
- b) Inisiatif Kedua, Kerajaan akan mempertingkatkan Dasar Pengurusan Sumber Manusia dengan memberi pengecualian dasar kawalan pengisian bagi perjawatan di pintu masuk kepada pengisian penuh, sistem waktu bekerja syif yang fleksibel, Penempatan anggota polis bantuan dan cadangan penambahbaikan bagi keperluan perjawatan tambahan PDRM di BSI dan KSAB dan pewujudan pejabat pengurusan KDN di KSAB. Inisiatif Ketiga, Menaik Taraf Automated Check Point Dan Border System dengan Inisiatif Jangka Sederhana (6-12 Bulan) iaitu Penggantian mesin pengimbas pelbagai kategori oleh Jabatan Kastam DiRaja Malaysia dan Penggantian autogate Malaysian Automated Clearance System (MACS) di BSI dan KSAB. Selain itu juga, kerajaan akan membuat penambahan autogate Malaysian Automated Clearance System (MACS) di BSI antaranya Pewujudan autogate bi-directional di CIQ BSI dan Penambahan 50 lorong M-BIKE di CIQ KSAB. Bagi Inisiatif Jangka Panjang

**SOALAN-SOALAN LISAN  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI ISNIN, 25 NOVEMBER 2019**

(Melebihi 12 Bulan) adalah Menaik taraf system pengurusan sempadan dan pintu masuk.

- c) Inisiatif Keempat, satu Kajian Kebolehlaksanaan akan diadakan bagi Keperluan Kapasiti Penggunaan Pintu Masuk Masa Hadapan, Membina Jambatan Dan Pintu Masuk Baru, Melebar Dan Memanjangkan Tambak Johor, Membina Laluan Kapal di Tambak Johor dan Keperluan Fasiliti Kesihatan di Pintu Masuk.
- d) Inisiatif Kelima, Merancang Pengurusan Pelan Telekomunikasi bagi pemakluman sebarang situasi atau insiden yang berlaku yang mungkin mempengaruhi pengoperasian Tambak Johor dengan Cadangan penambahbaikan iaitu Digital Billboard, Microsite Informasi, SMS Blast dan Penambahbaikan aspek komunikasi di Johor.

**JAWAPAN PEJABAT PEMBANGUNAN NEGERI JOHOR**

Untuk makluman YB Tenggaroh, tujuan peruntukan ini diluluskan adalah untuk meningkatkan tahap keselamatan dan keselesaan pengguna di Kompleks Sultan Abu Bakar (KSAB) dan Bangunan Sultan Iskandar (BSI) yang menempatkan Kompleks Kastam, Imigresen dan Kuarantin (CIQ). Ia juga bertujuan untuk mengurangkan isu kesesakan kenderaan semasa waktu puncak dan membantu untuk meningkatkan bilangan pelancong ke Malaysia.

Infrastruktur sedia ada di KSAB dan BSI CIQ akan dibaik pulih dan dinaik taraf dan melibatkan **13 skop projek** seperti berikut:

- (1) pemasangan kamera litar tertutup (CCTV) berdefinisi tinggi;
- (2) penggantian *security fencing*;
- (3) penggantian sistem kalis air di semua terminal;
- (4) penambahan mesin pengimbas bagasi;
- (5) *Power Saving Electrical Components*;
- (6) *Retrofitting* pencahayaan di BSI;
- (7) menaik taraf Terminal Bas;
- (8) menaik taraf tembok keselamatan;
- (9) menaik taraf laluan pejalan kaki;
- (10) menaik taraf *gutter* dan sistem *rain water down pipe*;
- (11) menaik taraf sistem timbang lori 100 tan;
- (12) menaik taraf tandas awam; dan
- (13) menaik taraf bumbung di ruang letak kereta.

**SOALAN-SOALAN LISAN  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI ISNIN, 25 NOVEMBER 2019**

**JAWAPAN JKR NEGERI JOHOR**

Belanjawan 2020, Kerajaan Persekutuan telah memperuntukkan RM85 juta untuk melancarkan aliran trafik kenderaan khususnya yang melalui Kompleks Kastam, Imigrasi dan Kuarantin (CIQ). Perisian inisiatif yang akan memakan sejumlah RM85 juta adalah seperti berikut :

1. Bangunan Sultan Iskandar RM 45 juta.
  - Membina laluan pejalan kaki berbumbung
  - Penambahan kaunter pemeriksaan Imigrasi
2. Kompleks Sultan Abu Bakar RM 40 juta.

Masih dalam kajian peringkat Kementerian.

**SOALAN-SOALAN LISAN  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI ISNIN, 25 NOVEMBER 2019**

**YB PUAN ZAITON BINTI ISMAIL (SUNGAI BALANG)**

**SOALAN 18 (A28)**

Mohon pencerahan selanjutnya apakah yang dikatakan Food Bank dan apakah peranan dan tujuan food bank yang telah dilancarkan oleh YB Menteri Belia dan Sukan pada 20.10.2019 di Muar?

**JAWAPAN YB TUAN DR. RAMAKRISHNAN A/L SUPPIAH**

Program Food Bank Malaysia (PFBM) telah diperkenalkan sebagai salah satu inisiatif peduli rakyat Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) membantu golongan kurang berkemampuan untuk mendapatkan bekalan makanan yang mana secara tidak langsung dapat meringankan kos sara hidup golongan tersebut. Program ini juga selari dengan matlamat United Nations Sustainable Development Goals (SDG) 12.3, iaitu mencapai pengurangan setengah daripada lebihan makanan (*Food Waste*) keseluruhan yang dikeluarkan oleh industri peruncitan dan pengguna pada tahun 2030.

Konsep program ini adalah untuk menyelamatkan lebihan makanan yang masih boleh dimakan melalui pengumpulan daripada premis-premis seperti pasaraya, restoran, dan sebagainya. Makanan yang telah dikumpul kemudiannya akan diagihkan kepada kumpulan sasaran yang telah dikenalpasti daripada keluarga miskin dan kurang upaya, rumah-rumah kebajikan, pusat bantuan makanan, serta Badan Bukan Kerajaan (NGO).

Terdapat tiga tujuan / objektif utama program ini:

- a) Inisiatif Peduli Rakyat - Membantu golongan kurang berkemampuan mendapatkan akses bekalan makanan agar dapat meringankan kos sara hidup golongan tersebut.
- b) Meningkatkan Kesedaran Pengguna - Memberikan kesedaran kepada pengguna berkenaan dengan inisiatif zero waste bagi mengelakkan pembaziran makanan
- c) Industri - Mengurangkan pembaziran makanan yang masih boleh digunasemula dan mengurangkan kos operasi pasaraya-pasaraya.



**SOALAN-SOALAN LISAN  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI ISNIN, 25 NOVEMBER 2019**

**YB PUAN NOR RASHIDAH BINTI RAMLI (PARIT RAJA)**

**SOALAN 19 (A11)**

Apakah rancangan pemerkasaan Bantuan Zakat bagi golongan asnaf supaya dapat menjana ekonomi mereka sendiri dan nyatakan secara terperinci?

**JAWAPAN YB TUAN HAJI TOSRIN BIN JARVANTHI**

Penyaluran bantuan kepada asnaf di MAINJ dilihat daripada 2 perspektif utama iaitu golongan yang masih produktif dan juga tidak produktif. Sekiranya asnaf yang memohon bantuan dari golongan tidak produktif seperti telah berusia lanjut, mempunyai penyakit yang tidak membolehkan bekerja atau terdapat halangan untuk bekerja, maka pemberian bantuan akan diberi dalam bentuk bantuan perubatan atau bantuan kewangan bulanan untuk meringankan beban mereka dalam tempoh tertentu.

Manakala bagi mereka yang masih produktif adalah sangat digalakkan untuk berdikari dengan menceburi bidang keusahawanan kecil-kecilan melalui bantuan peningkatan ekonomi yang disediakan supaya tidak bergantung terus kepada bantuan bulanan. Bantuan peningkatan ekonomi yang disediakan di MAINJ adalah bantuan berdikari dan juga melaksanakan kursus-kursus dan latihan kemahiran kepada asnaf zakat yang berpotensi dan produktif. Golongan asnaf digalakkan supaya bekerja sendiri dengan mencari peluang-peluang ekonomi seperti berniaga atau menceburi bidang perkhidmatan dan MAINJ membantu dari sudut bantuan modal, peralatan dan menyediakan kursus latihan kemahiran.

Bantuan kepada anak-anak asnaf yang terdiri daripada pelajar juga adalah salah satu mekanisma mengeluarkan keluarga mereka daripada kemiskinan melalui pendidikan supaya mereka boleh berjaya dalam pelajaran seterusnya memperoleh pekerjaan dan membantu keluarga mereka di kemudian hari. Antara bentuk program yang disediakan kepada anak-anak asnaf ialah program motivasi dan kepimpinan, program gerak gempur peperiksaan dan program tajaan latihan kemahiran bersijil dengan kerjasama agensi pemberi latihan dan penyedia pekerjaan. Kesemua program yang disediakan ini ditawarkan kepada anak-anak asnaf untuk mengikutinya ke arah melahirkan generasi asnaf yang berpendidikan.

**SOALAN-SOALAN LISAN  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI ISNIN, 25 NOVEMBER 2019**

**YB DATUK HAJI MD OTHMAN BIN YUSOF (KUKUP)**

**SOALAN 20 (A176)**

Apakah penyelesaian kerajaan dalam menangani masalah projek-projek perumahan terbengkalai sekitar Johor? Contohnya Taman Satria, Kukup yang lama tersenarai dalam projek terbengkalai akan dipulihkan tetapi hingga kini masih belum selesai. Apakah langkah membantu pembeli-pembeli rumah yang teraniaya akibat pemaju yang bermasalah?

**JAWAPAN YB TUAN SR. DZULKEFLY BIN AHMAD**

Apabila sesuatu projek itu diisytihar sebagai projek terbengkalai oleh Yang Berhormat Menteri Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, adalah menjadi tanggungjawab kementerian melalui Jabatan Perumahan Negara bagi memudahcara penyelesaian usaha pemulihan dan rundingan dengan pihak berkepentingan seperti pembeli rumah, pembiaya, tuan tanah dan pemaju bertujuan mencari kaedah penyelesaian terbaik. Di peringkat Kerajaan Negeri hanya membantu dari segi maklumat sokongan dan sebagai fasilitator kepada pihak terlibat.

Berkenaan projek perumahan swasta di Taman Satria, Pontian yang telah diisytiharkan terbengkalai pada 30 Julai 2015, status kemajuan fizikal di tapak adalah sebanyak 90% meliputi binaan 134 unit rumah namun terdapat masalah-masalah yang timbul menyebabkan projek tidak dapat disiapkan antaranya di pihak pemaju, tuan tanah dan Majlis Daerah Pontian. Pengurusan pemaju asal (Goodwill Venture) telah bertukar kepada pengurusan baru di bawah teraju Encik Alvin Soh. Tuan tanah iaitu Encik Lee Kan Kia dan Lee Ket Leng telah meninggal dunia dan diambil alih oleh Encik Lee Peng Kwee dan Encik Lee Gua Choon sebagai pentadbir manakala Encik Ong Chin Huat dan Encik Lee Boon Poh sebagai wasi. Berdasarkan maklumat perbincangan pada 26 April 2016, peguam tuan tanah telah memaklumkan usaha sama (JV) antara pemaju dan tuan tanah telah terbatal (nombor rujukan 22C-5-10/2014), namun sehingga kini tiada salinan pembatalan yang diterima oleh pihak Jabatan Perumahan Negara.

Hala tuju bagi menetapkan jalan penyelesaian masih belum dapat diperoleh. Namun demikian, pemantauan dan usaha untuk mencari penyelesaian masih tetap dijalankan, lebih-lebih lagi sebanyak 50 unit rumah telah dijual kepada orang awam, seperti mana lawatan tapak terkini yang telah diadakan dan diketuai Jabatan Perumahan Negara pada 17 Julai 2019.

Langkah-langkah yang dilakukan Jabatan Perumahan Negara bagi membantu para pembeli yang terpalit dengan isu projek perumahan terbengkalai ini adalah seperti berikut:

- Mengeluarkan Surat Pengesahan Projek Terbengkalai

**SOALAN-SOALAN LISAN  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI ISNIN, 25 NOVEMBER 2019**

- Membantu pembeli rumah di dalam permohonan pertimbangan dengan pihak berkenaan bagi meringankan beban kewangan mereka :
  - Pertimbangan daripada institusi pembiayaan bagi permohonan pengurangan kadar faedah dan penstrukturan semula pinjaman perumahan;
  - Pertimbangan daripada pihak KWSP bagi permohonan pengeluaran kali kedua; dan
  - Pertimbangan kepada pembeli yang membuat pinjaman perumahan kerajaan sama ada:
    - ✓ Membatalkan pinjaman dan diberi peluang memohon pinjaman baru (pinjaman penuh seperti pinjaman pada kali pertama); atau
    - ✓ Menangguhkan kenaikan faedah pinjaman (4%) sepanjang tempoh projek dipulihkan atau selama 5 tahun (mana yang terdahulu)

**SOALAN-SOALAN LISAN  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI ISNIN, 25 NOVEMBER 2019**

**YB TUAN EE CHIN LI (TANGKAK)  
SOALAN 21 (A37)**

Sila nyatakan keberkesanan program Geran Orang Lokal kepada usahawan-usahawan Johor berserta dengan jumlah pemohon dan jumlah penerima. Adakah kerajaan akan teruskan inisiatif ini pada tahun 2020 dan menambah kategori supaya dapat diperluaskan kepada lebih ramai usahawan.

**JAWAPAN YB TUAN HAJI SHEIKH 'UMAR BAGHARIB BIN ALI**

Geran Orang Lokal (GOL) 2019. **Program ini dikenali dengan Inisiatif Usahawan Mikro sebelum ditukar nama kepada Geran Orang Lokal (GOL).**

Majoriti permohonan Bagi Geran Orang Lokal adalah dalam **kluster pembuatan iaitu makanan dan minuman**. Sehingga kini Daerah Pontian dan Kulai telah selesai mesyuarat kelulusan yang telah diadakan pada 17 Oktober lepas.

Program G.O.L ini memberi manfaat kepada 64 usahawan mikro yang akan menerima bantuan sehingga RM 20,000.00 bagi pembelian mesin, peralatan, pembungkusan, pelabelan, pembangunan atau penambahbaikan laman sesawang atau e-dagang. Lebih 1500 permohonan telah diterima. Sehingga kini Daerah Pontian dan Kulai telah selesai mesyuarat kelulusan, manakala lain-lain daerah sedang proses.

Kerajaan Negeri berhasrat untuk meneruskan Geran Orang Lokal pada tahun 2020 dan skop penerima bantuan akan diperluaskan lagi.

**SOALAN-SOALAN LISAN  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI ISNIN, 25 NOVEMBER 2019**

**YB TUAN CHEO YEE HOW (PERLING)**

**SOALAN 22 (A187)**

Apakah pembangunan yang bakal diterima untuk Komplek Sultan Abu Bakar (KSAB) untuk membantu menyelesaikan masalah kesesakan lalulintas?

**JAWAPAN YB TUAN HAJI MOHD SOLIHAN BIN BADRI**

Pembangunan bagi menyelesaikan masalah kesesakkan di kompleks Sultan Abu Bakar masih di dalam peringkat kajian oleh Kerajaan Persekutuan.

**SOALAN-SOALAN LISAN  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI ISNIN, 25 NOVEMBER 2019**

**YB PUAN HAJAH NOR HAYATI BINTI BACHOK (MAHARANI)  
SOALAN 23 (A136)**

Apakah perancangan kerajaan negeri untuk melaksanakan penubuhan Mahkamah Syariah Khas Perkahwinan, Hadhanah dan Nafkah sebagaimana dilaksanakan di Wilayah Persekutuan pada September lalu, sekiranya tiada perancangan melaksanakan mahkamah khas ini, mohon nyatakan usaha memendekkan tempoh penyelesaian kes dan penguatkuasaan perintah nafkah?

**JAWAPAN YB TUAN HAJI TOSRIN BIN JARVANTHI**

Penubuhan Mahkamah Syariah Khas Perkahwinan, Hadhanah dan Nafkah sebagaimana dilaksanakan di Wilayah Persekutuan pada September lalu masih di peringkat perancangan untuk dilihat keperluan untuk dilaksanakan di Negeri Johor.

Bagi memendekkan tempoh penyelesaian kes dan penguatkuasaan perintah nafkah, Mahkamah Syariah Negeri Johor dalam perancangan mewujudkan dewan bicara khas bagi kes-kes hadhanah dan nafkah anak.

Bahagian Sokongan Keluarga (BSK), telah diwujudkan di mahkamah syariah di mana fungsi BSK adalah bagi menguatkuasakan kes-kes perintah nafkah di mana kerajaan telah memberi peruntukan awal bagi menampung keperluan nafkah selama 6 bulan berdasarkan perintah nafkah yang telah ditetapkan oleh mahkamah.

**SOALAN-SOALAN LISAN  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI ISNIN, 25 NOVEMBER 2019**

**YB HJ KHAIRUDDIN BIN A. RAHIM (SENGGARANG)**

**SOALAN 24 (A210)**

Rumah-rumah projek perumahan di negeri Johor yang dibina sekarang melebihi harga RM400K dan tidak mampu dibeli oleh bumiputera. Apakah langkah kerajaan untuk membendung kenaikan harga yang terlalu tinggi ini?

**JAWAPAN YB TUAN SR. DZULKEFLY BIN AHMAD**

Untuk makluman Yang Berhormat, antara langkah yang di ambil kerajaan bagi mengimbangi harga rumah di pasaran semasa adalah dengan penguatkuasaan Dasar Rumah Mampu Biaya Johor. Pihak pemaju disyaratkan untuk membangunkan 20% komponen Rumah Mampu Biaya Johor bagi tanah bersaiz antara 3 hingga 5 ekar. Manakala bagi tanah pembangunan bersaiz 5 ekar ke atas, pihak pemaju disyaratkan untuk membina 40% komponen Rumah Mampu Biaya Johor. Harga jualan yang ditetapkan adalah bermula dari RMBJ A (RM 42,000.00), RMBJ B (RM 80,000.00), RMBJ C (RM 150,000.00), RMBJ D (RM 250,000.00 hingga RM 300,000.00) dan Kedai Kos Sederhana berharga RM 200,000.00.

Selain itu, kerajaan juga telah menetapkan syarat kepada pihak pemaju untuk menyertakan Laporan Kajian Pasaran (*Market Study Report*) atau Laporan Kajian Kemungkinan (*Feasibility Study Report*) semasa mengemukakan permohonan Kebenaran Merancang. Perkara ini adalah untuk memastikan sebarang kelulusan Kebenaran Merancang perlu dinilai mengikut kehendak dan kesesuaian pasaran terhadap sesuatu pembangunan serta untuk megelakkan lambakan hartanah tidak terjual.

**SOALAN-SOALAN LISAN  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI ISNIN, 25 NOVEMBER 2019**

**YB DATO' ZULKURNAIN BIN HAJI KAMISAN (SRI MEDAN)**  
**SOALAN 25 (A170)**

Berapa jumlah kutipan zakat bagi tahun 2018 dan pecahan pengagihan mengikut kategori yang ditetapkan oleh hukum syarak bagi tahun 2018?

**JAWAPAN YB TUAN HAJI TOSRIN BIN JARVANTHI**

Sepanjang tahun 2018, Majlis Agama Islam Negeri Johor telah berjaya membuat pungutan zakat harta dan fitrah sebanyak RM 284,633,256.53 dari seluruh umat Islam di Johor sebagaimana perincian berikut :

<b>Jenis Zakat</b>	<b>Pungutan 2018</b>
Pendapatan	131,764,270.00
W/Simpanan	57,550,094.99
Perniagaan	77,634,173.61
Emas/Perak	1,165,844.24
Tanaman	157,162.01
Ternakan	246,808.88
Galian	9,264.20
Saham	975,529.60
Kwsp	66,172.00
Fitrah	15,063,937.00
<b>Jumlah</b>	<b>284,633,256.53</b>

Daripada jumlah pungutan tersebut, sebanyak RM 261,310,155.66 telah diagihkan kepada asnaf zakat yang telah ditetapkan mengikut aktiviti dan keperluan mereka. Daripada jumlah tersebut agihan kepada asnaf fakir dan miskin adalah yang tertinggi iaitu sebanyak RM 151.4 juta bagi memastikan kebajikan mereka dibantu.

Bantuan zakat yang diberi kepada golongan fakir dan miskin adalah dalam bentuk bantuan kebajikan seperti bantuan sara hidup bulanan, perubatan, perumahan, hari raya dan pelajaran. Bantuan-bantuan ini bertujuan meringankan beban yang ditanggung oleh golongan kurang berkemampuan.

Perincian pengagihan zakat mengikut asnaf yang ditetapkan adalah sebagaimana berikut :



**SOALAN-SOALAN LISAN  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI ISNIN, 25 NOVEMBER 2019**

<b>Asnaf</b>	<b>RM Agihan 2018</b>
Fakir	55,880,966.77
Miskin	95,621,740.80
Amil	25,914,066.00
Muallaf	18,322,273.89
Gharim	1,714,112.02
Ibnu Sabil	508,109.30
Fi Sabilillah	63,348,886.88
Riqab	0
<b>Jumlah</b>	<b>261,310,155.66</b>

**SOALAN-SOALAN LISAN  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI ISNIN, 25 NOVEMBER 2019**

**YB DATO' IR SYED SIS BIN SYED ABDUL RAHMAN (TANJUNG SURAT)  
SOALAN 26 (A204)**

Apakah status terkini pelaksanaan Projek Perumahan Nelayan di Kampong Punggai, Pengerang oleh Lembaga Kemajuan Johor Tenggara (KEJORA).

**JAWAPAN YB TUAN HAJI TOSRIN BIN JARVANTHI**

Untuk makluman YB, KEJORA melalui Anak Syarikatnya iaitu KEJORA Land Development Sdn. Bhd. telah mengeluarkan iklan tender berkenaan projek ini pada 8 November 2019. Manakala lawatan tapak telah diadakan pada 11 November 2019 kepada lebih kurang 35 kontraktor telah hadir. Iklan tender akan ditutup pada 24 Disember 2019. Projek ini dijangka akan dimulakan di tapak pada Akhir Mac 2020.

**SOALAN-SOALAN LISAN  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI ISNIN, 25 NOVEMBER 2019**

**YB TUAN HAJI AYUB BIN JAMIL (RENGIT)**

**SOALAN 27 (A145)**

Minta penjelasan struktur pengurusan bekalan air di Johor. Nyatakan peranan dan kepentingan BAKAJ, PAAB dan SAJ dalam pengurusan tersebut. Apakah langkah yang diambil oleh kerajaan negeri bagi memastikan kepentingan strategik awam ini terjamin pada masa kini dan selamanya?

**JAWAPAN YB TUAN JIMMY PUAH WEE TSE**

**JAWAPAN PAAB**

1) Penjelasan struktur pengurusan bekalan air di Johor adalah;

PAAB berurusan dengan BAKAJ bagi kes/perkara yang melibatkan permohonan kelulusan tanah di bawah Kerajaan Negeri Johor bagi tujuan membangunkan aset air di Negeri Johor.

PAAB berurusan dengan RSAJ bagi pengurusan membangunkan aset air baru dan menaiktaraf aset air sedia ada dan juga mengenakan sewa pajak ke atas aset-aset air di bawah Perjanjian Migrasi.

PAAB pula adalah sebuah syarikat yang diperbadankan di bawah Kementerian Kewangan yang dianugerahkan Lesen Fasiliti oleh SPAN untuk membina, menaiktaraf dan membaikpulih aset air baru di Semenanjung Malaysia.

2) Peranan dan kepentingan BAKAJ, PAAB dan RSAJ dalam pengurusan bekalan air di Johor adalah;

PAAB bertanggungjawab bagi membangunkan infrastruktur air di Semenanjung Malaysia pada kadar pembiayaan yang kompetitif dan mengenakan sewa pajakan kepada Operator Air yang berada di bawah Perjanjian Migrasi pada kadar yang telah ditetapkan selaras dengan keperluan pihak SPAN yang bertanggungjawab memantau industri air menerusi WSIA.

BAKAJ pula memastikan pengurusan sumber air mentah yang efektif di samping menjaga kepentingan alam sekitar berkaitan sumber air mentah. Di samping itu, BAKAJ juga bekerjasama dengan NGO, sektor korporat dan ahli masyarakat untuk mencapai sekitaran yang mapan serta mutu air yang tinggi.

RSAJ pula memastikan pengagihan bekalan air terawat yang berterusan kepada pengguna pada kadar kecekapan yang optimum dengan perkhidmatan yang berkualiti termasuk juga kerja-kerja operasi dan penyelenggaraan.

**SOALAN-SOALAN LISAN  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI ISNIN, 25 NOVEMBER 2019**

- 3) Langkah yang diambil oleh kerajaan negeri bagi memastikan strategik awam ini terjamin adalah;

Ia adalah tertakluk kepada usaha-usaha yang dilaksanakan oleh pihak KATS, SPAN dan pihak Kerajaan Negeri Johor bagi memastikan kepentingan strategik awam ini terjamin. Pihak PAAB akan memastikan pelaksanaan perancangan tersebut berjalan lancar merujuk kepada skop kerja yang dirangkumi oleh pihak PAAB.

**JAWAPAN BAKAJ**

BAKAJ ditubuhkan berdasarkan kepada Enakmen Bekalan Air 1994 bagi mengawalselia perbekalan air bersih dan sumber air. Bagaimanapun, pada 11 Mac 2009, satu perjanjian penstrukturan semula perkhidmatan air di Johor yang dikenali sebagai *Master Agreement* telah ditandatangani antara Kerajaan Persekutuan, Syarikat Air Johor Sdn Bhd, Ranhill Utilities Berhad, SAJ Holdings Sdn Bhd dan Pengurusan Asset Air Berhad (PAAB). Melalui perjanjian tersebut, perbekalan air bersih di kawalselia oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) melalui Akta 654 (Akta Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara 2006) dan Ranhill SAJ merupakan operator loji yang bertanggungjawab untuk merawat atau membersihkan air dan seterusnya membekalkan kepada pengguna berdasarkan kepada Akta 655 (Akta Industri Perkhidmatan Air 2006). Manakala PAAB pula bertanggungjawab untuk membiayai projek-projek infrastruktur perbekalan air, seperti pembinaan loji, pemasangan dan penggantian paip, pembinaan tangki-tangki dan pengambilan balik tanah.

Kerajaan Persekutuan melalui Jabatan Bekalan Air, Kemeterian Air, Tanah dan Sumber Asli (JBA, KATS) pula berperanan melaksanakan projek-projek sumber air disetiap negeri, seperti pembinaan empangan, pembinaan barrage serta penyaluran paip dari lembangan sungau ke lembangan sungai. BAKAJ pula bertanggungjawab terhadap sumber air seperti kawalan pencemaran, abstraksi air mentah, kawalan empangan dan pelesenan sebagaimana yang dinyatakan dalam Enakmen Air 1921 (Pindaan 2014)

Bagi memastikan kepentingan pengurusan bekalan air ini kepada pengguna, pihak Ranhill SAJ perlu memberi kerjasama sepenuhnya kepada Kerajaan negeri Johor berkaitan pengurusan perbekalan air bersih seperti caj tariff air supaya kepentingan rakyat terbela dan kepentingan strategik awam ini pada masa kini dan selamanya.

**JAWAPAN SAJ**

Ranhill SAJ adalah sebuah syarikat penswastan yang bertanggungjawab terhadap bekalan air dari lokasi di mana air mentah diambil, dirawat, diagihkan dan seterusnya kepada pengguna di negeri ini. Dalam masa yang sama Badan Kawal Selia Air Johor (BAKAJ) adalah sebuah agensi kerajaan negeri yang telah diperkasa fungsinya dan

**SOALAN-SOALAN LISAN  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI ISNIN, 25 NOVEMBER 2019**

bertanggungjawab dalam soal menguruskan bekalan air mentah sebelum diproses oleh pihak operator bekalan air itu sendiri.

Dalam perjanjian utama (Master Agreement), dan Perjanjian Bekalan Air (Water Supply Agreement) yang dimeterai oleh pihak persekutuan, Ranhill SAJ dan Kerajaan Negeri antara lain menetapkan komitmen kerajaan negeri untuk membekalkan air mentah yang mencukupi dari segi kuantiti dan kualitinya secara berterusan kepada Ranhill SAJ. Maka, di sini peranan BAKAJ sama pentingnya dalam memastikan bekalan air mentah yang berterusan dan mematuhi standard piawaian yang telah ditetapkan serta memastikan tiada pencemaran yang boleh menyebabkan loji tidak mampu merawat air untuk diminum.

Pada tahun 2009 kita semua menyaksikan penstrukturan semula bekalan air apabila Akta Industri Perkhidmatan Air Negara (Akta 655) 2006 diluluskan Parlimen dan Ranhill SAJ pada masa itu merupakan antara operator bekalan air negeri yang menyertai regim baru ini. Penyertaan itu bermakna Ranhill SAJ hanya sebuah syarikat 'asset light' yang beroperasi membekalkan air terawat bagi penduduk di negeri Johor dan dikawalselia oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) yang memantau segala operasi seharian Ranhill SAJ melalui KPI –KPI.

Sebagai sebuah syarikat 'asset light' , semua aset, kerja-kerja infrastruktur bekalan air samada yang baru atau menaiktaraf dilaksanakan sebuah syarikat di bawah Kementerian Kewangan Malaysia iaitu Perbadanan Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB) yang memiliki semua instalasi bekalan air di negeri ini yang kemudiannya memajakkannya pula kepada Ranhill SAJ untuk dioperasikan. Maka, Ranhill SAJ turut menanggung kos sewa pajak yang dikenakan sambil menanggung kos operasinya. Kita bertuah kerana liputan bekalan air terawat di negeri Johor sudah mencapai 99.8 peratus, bermakna hampir semua rakyat Johor menikmati air yang bersih. Bermula kadar NRW pada 45 peratus pada tahun 2000, kini melalui pelbagai inisiatif serta kerja-kerja perbelanjaan modal (CAPEX) Johor mencatatkan kadar NRW nya sebanyak 23.8 peratus; satu pencapaian yang boleh dibanggakan bagi sebuah negeri yang mempunyai lebih 22,000 kilometer paip pelbagai saiz dengan jumlah akaun berjumlah lebih 1 juta.

Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) sebagai 'custodian' Akta 655, mengawalselia Ranhill SAJ dalam perbagai sudut, bukan hanya dalam soal operasi, bahkan juga dalam penetapan tarif. Penetapan tarif hendaklah melalui proses yang melibatkan pelbagai pihak, termasuk pertimbangan sosio ekonomi serta perancangan perniagaan yang diperhalusi di peringkat persekutuan.

Dengan kawalselia yang rigid ini rakyat Johor dijamin untuk mendapatkan kelangsungan bekalan air pada masa kini dan masa hadapan dari segi kualiti mahupun kuantitinya.

**SOALAN-SOALAN LISAN  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI ISNIN, 25 NOVEMBER 2019**

**YB TUAN MUHAMAD SAID BIN JONIT (MAHKOTA)  
SOALAN 28 (A48)**

Adakah kerajaan negeri merancang untuk memberikan peruntukan khas kepada ADUN untuk membangunkan laman sesawang sekaligus meningkatkan komunikasi diantara rakyat?

**JAWAPAN YAB MENTERI BESAR**

Untuk makluman Yang Berhormat Mahkota, Peruntukan khas kepada ADUN adalah bagi tujuan pembangunan kerja-kerja di bawah tajuk projek dan bekalan sahaja. Buat masa ini, terdapat **sebahagian laman sesawang telah dibangunkan** oleh jabatan sebagai contoh **Jabatan Kerja Raya** untuk aduan berkaitan dengan jalan rosak.

Walaubagaimanapun, cadangan untuk membangunkan laman sesawang yang dicapai oleh Yang Berhormat sendiri disambut baik oleh pihak kerajaan dan perkara ini perlu diteliti dan diperhalusi bagi mengenalpasti mekanisme terbaik untuk dilaksanakan.

Selain itu, mekanisme lain yang boleh digunakan oleh Yang Berhormat, adalah platform media sosial seperti Facebook, Instagram mahupun Twitter.

Hal ini kerana, medium itu lagi mudah untuk berinteraksi dengan masyarakat dan pada masa yang sama, ia juga boleh mengurangkan kos dan ini salah satu penjimatan yang boleh diambil oleh setiap Ahli Dewan Negeri.

**SOALAN-SOALAN LISAN  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI ISNIN, 25 NOVEMBER 2019**

**YB DATUK IR. HAJI HASNI BIN MOHAMMAD (BENUT)**

**SOALAN 29 (A77)**

Minta dinyatakan apakah wujud pelan dan cadangan dari Kerajaan Negeri untuk memaksimumkan potensi gig economy dan Digital Economy dalam mempelbagaikan sektor pekerjaan dan sumber pendapatan Kerajaan Johor?

**JAWAPAN YAB MENTERI BESAR**

Terima kasih Yang Berhormat Benut, bagi jawapan berkenaan kerajaan negeri sentiasa peka tentang perkara tersebut untuk mencapai sebuah negeri yang berprestasi tinggi.

Dalam **merencanakan pembangunan gig economy dan Digital Economy bagi menerokai sumber pendapatan baru**, kerajaan negeri akan menghasilkan satu pelan halatuju **berteraskan Revolusi Industri 4.0** yang lebih komprehensif dan menyeluruh untuk rujukan kerajaan negeri dalam jangka masa lima tahun yang akan datang.

Pelan ini akan merangkumi kajian situasi pembangunan semasa, cadangan inisiatif, kajian keutamaan inisiatif, cadangan jangka masa pelaksanaan, dan impak cadangan pelaksanaan inisiatif terhadap ekonomi negeri.

Kerajaan negeri melihat keperluan mewujudkan pelan ini bagi memastikan Johor berada di landasan yang betul mengikut keperluan semasa yang bergerak pantas mengikut perkembangan teknologi terkini.

Untuk makluman Yang Berhormat Benut, kerajaan negeri komited dalam menyediakan peluang pekerjaan kepada anak muda terutama dari negeri Johor.

Kerajaan Negeri **akan merangka program-program daya cipta yang berpotensi** yang mana ia akan memberi impak dan limpahan dengan mewujudkan peluang-peluang pekerjaan baharu bagi anak muda yang lain.

Apa yang boleh saya simpulkan di sini, **ini merupakan asas dalam menyediakan anak-anak muda kita menuju ke era 'Gig Economy'** di Negeri Johor.